

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA AMALAN 26****TATACARA PENYENARAIAAN SUKUK DAN SEKURITI HUTANG**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	3 Ogos 2009 Perenggan 4B.04
Tarikh semakan:	26 September 2012, 1 April 2015, 13 Julai 2015, 2 Januari 2018

1.0 Pengenalan

Nota Amalan ini menyatakan kehendak-kehendak yang berikut berhubung dengan permohonan penyenaiaan sukuk dan sekuriti hutang di Senarai Rasmi sebagai Bon Dagangan Bursa atau di bawah Rejim Dikecualikan di bawah Bab 4B Kehendak-Kehendak Penyenaiaan:

- (a) tatacara bagi penerimaan masuk;
- (b) bentuk permohonan penyenaiaan awal dan dokumen sokongan;
- (c) aku janji dan pengesahan oleh penerbit, penjamin, obligor dan pengarah mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (d) kehendak-kehendak lain yang berkenaan.

BAHAGIAN A – PENERIMAAN MASUK BON DAGANGAN BURSA**2.0 Tatacara yang berhubung dengan penerimaan masuk**

2.1 Tatacara yang berikut terpakai bagi penyenaiaan dan sebut harga sukuk atau sekuriti hutang di Bursa sebagai Bon Dagangan Bursa, dengan ubah suaian yang perlu, sebagaimana yang berkenaan:

- (a) penerbit mengemukakan permohonan kepada SC, jika berkenaan;
- (b) SC meluluskan permohonan dan penyenaiaan sukuk atau sekuriti hutang, jika berkenaan;
- (c) penerbit memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaiaan berserta dengan dokumen sokongan;

**Nota Amalan 26
Tatacara Penyenaiaan Sukuk dan Sekuriti Hutang**

- (d) penerbit memfailkan salinan muktamad prospektus atau memorandum maklumat dengan pihak berkuasa yang berkaitan, jika berkenaan;
- (e) Bursa memberi kelulusan bagi penerimaan masuk sukuk atau sekuriti hutang;
- (f) penerbit, jika berkenaan:
 - (i) menerbitkan prospektus atau memorandum maklumat;
 - (ii) mengiklankan prospektus atau memorandum maklumat;
 - (iii) memberi Bursa apa-apa bilangan salinan prospektus atau memorandum maklumat bercetak, sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa, dan
 - (iv) mengumumkan kepada Bursa, jadual waktu yang menunjukkan tawaran awam awal yang mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 di bawah.
- (g) penerbit mengumumkan tahap langganan dan asas penguntukan kepada awam, jika ada;
- (h) penerbit menerbitkan sukuk atau sekuriti hutang dan notis pengumpulan, jika berkenaan;
- (i) penerbit mengumumkan kepada Bursa maklumat yang berkenaan mengikut perenggan 6.2 di bawah; dan
- (j) sukuk atau sekuriti hutang diterima masuk ke Senarai Rasmi dan disebut harga di Bursa.

3.0 Bentuk permohonan penyenaiaan dan dokumen sokongan

- 3.1 Penerbit yang memohon penyenaiaan dan sebut harga sukuk atau sekuriti hutangnya di Bursa sebagai Bon Dagangan Bursa mesti memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaiaan yang terdiri daripada yang berikut:
- (a) permohonan, dalam bentuk Bahagian A Lampiran PN26-A; dan
 - (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian C Lampiran PN26-A.

4.0 Aku janji dan pengesahan

- 4.1 Tertakluk kepada perenggan 4.3 di bawah, penerbit mesti memberikan aku janji kepada Bursa dalam bentuk Lampiran PN26-B.
- 4.2 Tertakluk kepada perenggan 4.3 di bawah, penerbit yang menerbitkan sukuk atau sekuriti hutang untuk disenaraikan dan disebut harga di Bursa sebagai Bon Dagangan Bursa mesti memastikan bahawa:
- (a) tiap-tiap seorang daripada pengarahnya memberikan aku janji kepada Bursa dalam bentuk Lampiran PN26-C; dan
 - (b) penjamin, obligor dan pemegang amanah, jika ada, memberikan aku janji kepada Bursa dalam bentuk Lampiran PN26-B;

**Nota Amalan 26
Tatacara Penyenaiaan Sukuk dan Sekuriti Hutang**

- 4.3 Penerbit tidak perlu mematuhi perenggan 4.1 dan 4.2 di atas sekiranya penerbit ialah Orang Dikecualikan, sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 4B.02 Kehendak-Kehendak Penyenaiaan atau mana-mana orang lain yang diluluskan oleh Bursa dari semasa ke semasa.
- 4.4 Penerbit tidak perlu mematuhi perenggan 4.2(b) di atas sekiranya Bon Dagangan Bursanya dijamin oleh penjamin yang disebut dalam perenggan 4B.11(4) Kehendak-Kehendak Penyenaiaan, atau sekiranya obligor ialah Orang Dikecualikan.

5.0 Penyenaiaan sekuriti hutang yang diterbitkan dan yang belum diterbitkan

- 5.1 Penerbit mesti memohon kelulusan untuk menyenaiaan hanya -
- (a) bahagian sekuriti yang telah diterbitkan; dan
 - (b) sekuriti yang akan diterbitkan berkaitan dengan permohonan penyenaiaan.

6.0 Pengumuman kepada Bursa

- 6.1 Berhubung dengan Bon Dagangan Bursa, jika penyenaiaan memerlukan suatu tawaran sukuk atau sekuriti hutang kepada awam, penerbit mesti mengumumkan jadual waktu yang menunjukkan tawaran awam awal seperti yang berikut selepas penerbitan prospektus itu dan sebelum tarikh penyenaiaan:
- (a) tarikh buka dan tarikh tutup tempoh tawaran;
 - (b) tarikh pengundian, jika berkenaan;
 - (c) tarikh pengumpulan sekuriti tawaran awam awal; dan
 - (d) tarikh penyenaiaan tentatif.
- 6.2 Penerbit mesti mengumumkan maklumat yang berikut sebelum penerbitan sukuk atau sekuriti hutang bagi penyenaiaan:
- (a) nama penerbit, penjamin dan obligor, jika berkenaan;
 - (b) nama dan jenis program/surat cara;
 - (c) perihalan ringkas mengenai program/surat cara (cth. kupon/kadar keuntungan/kadar faedah/kadar pembayaran);
 - (d) tarikh sebenar penyenaiaan, terbitan dan tarikh matang;
 - (e) saiz program/terbitan;
 - (f) nama pendek saham, kod saham, kod ISIN, jika berkenaan;
 - (g) penarafan awal program/surat cara dan penarafan semasa program, jika berkenaan;
 - (h) kaedah penebusan;
 - (i) sama ada dijamin atau bercagar, dan jika ya, perincian jaminan atau cagaran itu; dan
 - (j) ringkasan terma material lain bagi terbitan.

**Nota Amalan 26
Tatacara Penyenaiaan Sukuk dan Sekuriti Hutang**

- 6.3 Penerbit mesti mematuhi perenggan 6.2 di atas berkenaan dengan setiap penerbitan sukuk atau sekuriti hutang yang berikutnya bagi penyenaiaan di bawah suatu program, jika berkenaan.

BAHAGIAN B – PENERIMAAN MASUK DI BAWAH REJIM DIKECUALIKAN**7.0 Tatacara yang berhubungan dengan penerimaan masuk**

- 7.1 Tatacara yang berikut terpakai bagi penyenaiaan sukuk atau sekuriti hutang di Bursa di bawah Rejim Dikecualikan, dengan ubah suaian yang perlu, sebagaimana yang berkenaan:
- (a) penerbit mengemukakan permohonan kepada SC bagi terbitan atau tawaran sukuk atau sekuriti hutang di Malaysia, jika berkenaan;
 - (b) SC meluluskan terbitan atau tawaran, jika berkenaan;
 - (c) penerbit memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaiaan berserta dengan dokumen sokongan;
 - (d) Bursa memberi kelulusan bagi penyenaiaan sukuk atau sekuriti hutang;
 - (e) jika berkenaan, penerbit -
 - (i) menerbitkan memorandum maklumat, surat pekeliling tawaran atau apa-apa dokumen lain yang berkenaan (secara kolektif disebut dalam perenggan ini sebagai "**Dokumen Tersebut**");
 - (ii) memberikan kepada Bursa 2 salinan Dokumen Tersebut sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa; dan
 - (iii) mengumumkan maklumat yang dinyatakan dalam perenggan 10.0 di bawah kepada Bursa; dan
 - (f) sukuk atau sekuriti hutang yang disenaraikan di Senarai Rasmi Bursa.

8.0 Bentuk permohonan penyenaiaan dan dokumen sokongan

- 8.1 Penerbit yang menerbitkan sukuk atau sekuriti hutang di bawah Rejim Dikecualikan mesti memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaiaan yang terdiri daripada yang berikut:
- (a) permohonan, dalam bentuk Bahagian B Lampiran PN26-A; dan
 - (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian C Lampiran PN26-A.

9.0 Aku janji dan Pengesahan

- 9.1 Penerbit mesti memberi kepada Bursa suatu aku janji dalam bentuk Lampiran PN26-B.

10.0 Pengumuman kepada Bursa

- 10.1 Penerbit mesti mengumumkan maklumat dalam perenggan 6.2 di atas sebelum penerbitan sukuk atau sekuriti hutang bagi penyenaiaan.

Nota Amalan 26
Tatacara Penyenaiaan Sukuk dan Sekuriti Hutang

- 10.2 Penerbit mesti mematuhi perenggan 6.2 di atas berkenaan dengan setiap penerbitan sukuk atau sekuriti hutang yang berikutnya bagi penyenaiaan di bawah sesuatu program, jika berkenaan.

Permohonan Penyenaiaan Awal bagi penyenaiaan Sukuk dan Sekuriti Hutang

LAMPIRAN PN26-A

BAHAGIAN A

Permohonan Penyenaiaan Awal bagi Bon Dagangan Bursa
(perenggan 3.1(a))

Sila tanda mana yang berkenaan. Sekiranya tidak berkenaan, sila nyatakan "T/B"
[Anda boleh tanda lebih daripada satu kotak, jika berkenaan]

1.	Nama penerbit	
2.	**Jenis penyenaiaan	2.1 Penyenaiaan Utama <input type="checkbox"/>
		2.2 Penyenaiaan Kedua <input type="checkbox"/>
	Perihal mengenai surat cara/program	
	Bilangan dan jenis sekuriti yang dimohon untuk penyenaiaan	
	Nilai nominal dan harga terbitan	
	Kaedah pengagihan terbitan	
3.	Denominasi mata wang yang sekuriti baharu akan disenaraikan	(a) Ringgit Malaysia ("RM") <input type="checkbox"/>
		(b) Lain-lain: (Sila nyatakan) ----- Sekiranya sukuk atau sekuriti hutang baharu disenaraikan dalam mata wang selain RM, sama ada kelulusan Bank Negara Malaysia telah diperoleh? Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/>

Permohonan Penyenaian Awal bagi penyenaian Sukuk dan Sekuriti Hutang

4.	Nama Penjamin (jika ada) dan perincian jaminan	
5.	Tarikh penyenaian tentatif (nyatakan)	
6.	**Nama Pemegang Amanah	
7.	Perincian Terbitan	<p>(a) Tajuk penuh terbitan dan kedudukan sekuriti hutang</p> <p>(b) **Tajuk surat cara yang di bawahnya sekuriti hutang diwujudkan atau dicadangkan untuk diwujudkan</p> <p>(c) Tarikh terbitan dan tarikh matang</p> <p>(d) Amaun yang dibenarkan, amaun yang diterbitkan hingga kini, amaun yang dihentikan, amaun tertunggak dan amaun yang dicadangkan untuk diterbitkan</p> <p>(e) Kadar faedah dan tarikh pembayaran faedah</p> <p>(f) Kaedah penebusan</p> <p>(g) **Sama ada terbitan itu layak mendapat pengecualian cukai</p> <p>(h) **Denominasi boleh terbit</p>
8.	Pengurus dan penaja jamin utama terbitan (jika ada)	
9.	**Ringkasan terma material lain bagi terbitan	
10.	*Aku janji	<p>Kami mengaku janji yang berikut:</p> <p>(a) semua kelulusan yang berkenaan yang dikehendaki bagi penerbitan dan penyenaian sukuk atau sekuriti hutang, jika ada, akan dipenuhi;</p> <p>(b) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki untuk dipenuhi sebelum penyenaian sukuk atau sekuriti hutang itu akan dipenuhi;</p> <p>(c) tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan dan/atau penyenaian sukuk atau sekuriti hutang itu termasuk apa-apa perintah, injuksi</p>

Permohonan Penyenaraian Awal bagi penyenaraian Sukuk dan Sekuriti Hutang

		<p>atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang;</p> <p>(d) dengan serta-merta memaklumkan Bursa apabila menyedari, selepas pengemukakan permohonan penyenaraian, bahawa penerbit telah gagal memenuhi mana-mana satu daripada aku janji di atas yang disebut dalam perenggan (a) hingga (b) atau mana-mana hal keadaan di bawah (c) di atas; dan</p> <p>(e) untuk membuat pengumuman yang berkenaan mengikut perenggan 6.0 Nota Amalan 26.</p>
<p>_____ [Penandatanganan penasihat yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>		<p>_____ *[Penandatanganan penerbit yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>

* Tidak terpakai bagi penerbit yang merupakan Orang Dikecualikan, sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 4B.02 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

** Tidak terpakai bagi penerbit atau obligor yang merupakan Orang Dikecualikan atau terbitan Bon Dagangan Bursa yang dijamin oleh Orang Dikecualikan.

Permohonan Penyenaiaan Awal bagi penyenaiaan Sukuk dan Sekuriti Hutang

BAHAGIAN B

Permohonan Penyenaiaan Awal di bawah Rejim Dikecualikan

(perenggan 8.1(a))

Sila tanda mana yang berkenaan. Sekiranya tidak berkenaan, sila nyatakan "T/B"

[Anda boleh tanda lebih daripada satu kotak, jika berkenaan]

1.	Nama penerbit	
2.	Jenis penyenaiaan	2.1 Penyenaiaan Utama <input type="checkbox"/>
		2.2 Penyenaiaan Kedua <input type="checkbox"/>
	Perihal surat cara	
3.	Denominasi mata wang yang sekuriti baharu akan disenaraikan	(a) Ringgit Malaysia ("RM") <input type="checkbox"/>
		(b) Lain-lain : (Sila nyatakan) ----- Sekiranya sekuriti baharu disenaraikan dalam mata wang selain RM, sama ada kelulusan Bank Negara Malaysia telah diperoleh? Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/>
4.	Tarikh penyenaiaan tentatif (nyatakan)	
5.	Aku janji	Kami mengaku janji yang berikut: (a) semua kelulusan yang berkenaan yang dikehendaki bagi penerbitan dan penyenaiaan sekuriti, jika ada, akan dipenuhi; (b) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki untuk dipenuhi sebelum penyenaiaan sekuriti itu akan dipenuhi; (c) tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan dan/atau penyenaiaan sekuriti itu termasuk apa-apa perintah, injunksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang; (d) dengan serta-merta memaklumkan Bursa apabila menyedari, selepas pengemukakan permohonan penyenaiaan, bahawa penerbit telah gagal memenuhi mana-mana satu daripada aku janji di atas yang disebut dalam perenggan (a) hingga (b) atau mana-mana hal keadaan di bawah (c) di atas; dan

Permohonan Penyenaiaan Awal bagi penyenaiaan Sukuk dan Sekuriti Hutang

		(e) untuk membuat pengumuman yang berkenaan mengikut perenggan 10.0 Nota Amalan 26.
[Penandatanganan penasihat yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:		[Penandatanganan penerbit yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:

BAHAGIAN C

Dokumen yang perlu difailkan dengan permohonan penyenaiaan

(perenggan 3.1(b) dan 8.1(b))

- (1) Tertakluk kepada subperenggan (2) di bawah, penerbit mesti memfailkan dokumen yang berikut untuk menyokong permohonan penyenaiaan:
 - (a) salinan setiap perlembagaan penerbit, notis pendaftaran/perakuan pemerbadanan, perakuan pertukaran status dan perakuan pertukaran nama, jika ada;
 - (b) salinan prospektus/prospektus asas/lembaran terma/memorandum maklumat/surat pekeliling tawaran atau apa-apa dokumen lain yang berkenaan bagi penerbitan sukuk dan sekuriti hutang;
 - (c) salinan Surat Ikatan Amanah, perjanjian kemudahan atau dokumen lain yang menjamin atau membentuk sukuk atau sekuriti hutang;
 - (d) dalam hal penyenaiaan kedua, prospektus/prospektus asas/lembaran terma/memorandum maklumat/surat pekeliling tawaran terkini atau apa-apa dokumen lain yang berkenaan yang difailkan dengan bursa utama penerbit;
 - (e) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN26-B yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh penerbit, penjamin, obligor, dan pemegang amanah, jika berkenaan, berserta dengan cabutan sah terperaku ketetapan lembaga pengarahnya yang memberi kuasa kepada penandatanganan;
 - (f) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN26-C yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengarah penerbit;
 - (g) salinan setiap semua surat kelulusan yang berhubungan dengan terbitan, tawaran dan penyenaiaan sukuk atau sekuriti hutang daripada pihak berkuasa yang berkaitan, jika berkenaan, dan surat daripada penasihat penerbit yang mengesahkan bahawa semua kelulusan yang perlu telah diperolehi;
 - (h) bagi terbitan sukuk atau program, perakuan atau pengendorsan daripada penasihat Syariah penerbit bahawa terbitan atau program itu adalah patuh Syariah;
 - (i) salinan apa-apa dokumen hak milik sementara dan apa-apa dokumen hak milik muktamad berkenaan dengan sukuk atau sekuriti hutang;
 - (j) dalam hal penerbit asing atau penerbit yang pada masa ini belum tersenarai di Bursa, nama dan alamat sekurang-kurangnya 2 wakil penerbit dan pemegang amanah, yang

Permohonan Penyenaraian Awal bagi penyenaraian Sukuk dan Sekuriti Hutang

dengannya Bursa boleh berhubung berkenaan dengan surat-menyurat masa hadapan mengenai sukuk atau hutang sekuriti itu;

- (k) cek yang dikeluarkan untuk dibayar kepada Bursa Malaysia Securities Berhad atau apa-apa bukti pembayaran lain yang boleh diterima oleh Bursa bagi fi penyenaraian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa; dan
 - (l) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Bursa bagi pemprosesan permohonan penyenaraian penerbit itu.
- (2) Penerbit yang merupakan Orang Dikecualikan, sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 4B.02 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, mesti memfailkan dokumen yang disebut dalam subperenggan (1)(b) dan (i) sahaja untuk menyokong permohonan penyenaraian.
- (3) Sekiranya mana-mana dokumen di atas tidak difailkan kerana tidak berkenaan atau tidak tersedia dalam apa-apa hal, penerbit mesti mengemukakan ekshibit berasingan yang menjelaskan sebab dokumen itu tidak berkenaan atau tidak tersedia.

[Lampiran Tamat]

Aku janji oleh penerbit/penjamin/obligor/ pemegang amanah bagi penyenaraian sukuk atau sekuriti hutang**LAMPIRAN PN26-B****Aku janji oleh penerbit/penjamin/obligor/pemegang amanah bagi penyenaraian sukuk atau sekuriti hutang**
(perenggan 4.1 dan 9.1)

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pematuhan Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama

Sebagai balasan Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") meluluskan permohonan #kami/penerbit bagi penerimaan masuk sukuk atau sekuriti hutang ke Senarai Rasmi Bursa Securities ("**Senarai Rasmi**") yang diperihalkan dalam permohonan penyenaraian #kami/penerbit KAMI MENGAJU bahawa sukuk atau sekuriti hutang akan kekal di Senarai Rasmi hanya selama yang dikehendaki oleh Bursa Securities dan KAMI MENGAJU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities, termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa, setakat yang pindaan itu terpakai bagi kami.

Aku Janji ini hendaklah disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Aku Janji ini hendaklah ditadbir dalam semua aspek oleh undang-undang Malaysia dan KAMI secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

**Aku Janji ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Aku Janji ini ditadbir dalam semua aspek oleh undang-undang Malaysia dan KAMI secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

AkuJanji di atas telah ditandatangani oleh saya sebagai [pangkat]
[#Penerbit/Penjamin/Obligor/Pemegang Amanah] menurut kuasa yang diberikan kepada saya melalui ketetapan lembaga pengarah #penerbit/Penjamin /Obligor/Pemegang Amanah pada

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Potong mengikut kesesuaian

** Terpakai bagi penerbit/penjamin/obligor asing sahaja.

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN PN26-C

Aku janji oleh pengarah penerbit Bon Dagangan Bursa
(perenggan 4.2(a))

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pematuhan Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama

#Saya,[nama pengarah], ialah pengarah.....[#nama penerbit ("**Penerbit**") yang telah mengemukakan permohonan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") bagi(nama sukuk atau sekuriti hutang) ("**Bon Dagangan Bursa**") untuk diterima masuk ke Senarai Rasmi Bursa Securities ("**Senarai Rasmi**") /# Bon Dagangan Bursa(nama sukuk atau sekuriti hutang) ("**Bon Dagangan Bursa**") yang disenaraikan di Senarai Rasmi Bursa Securities.

Sebagai balasan Bursa Securities #meluluskan permohonan Penerbit bagi penyenaraian dan sebut harga Bon Dagangan Bursanya di Senarai Rasmi / membenarkan penyenaraian berterusan Bon Dagangan Bursa di Senarai Rasmi, SAYA MENGAKU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa, setakat yang pindaan itu terpakai bagi saya sebagai pengarah Penerbit.

**Aku Janji ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Aku Janji ini ditadbir dalam semua aspek oleh undang-undang Malaysia dan saya secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Yang benar,

.....

Nama:

No.KP (Lama & Baharu):

**No. Pasport & Negara Pengeluar:

Jawatan:

Tarikh:

Potong mengikut kesesuaian

** Terpakai bagi pengarah asing sahaja.

[Lampiran Tamat]